

23 MAY 2001

KERAJAAN NEGERI AKAN MAJUKAN KAWASAN TANAH SAWAH TERBIAR

SEREMBAN, 23 Mei (Bernama) -- Kerajaan Negeri akan memajukan kawasan tanah sawah terbiar di negeri ini dengan projek tanaman sayur-sayuran dan buah-buahan secara bersepadu, kata Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad.

Beliau berkata projek itu akan dilaksanakan dengan kerjasama Kementerian Pertanian dalam usaha untuk meningkatkan pengeluaran bahan makanan negara.

Mohamed Isa berkata beliau telah mengarahkan semua Pejabat Daerah untuk mengusahakan tanah sawah terbiar dalam projek bersepadu seperti yang disarankan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Mesyuarat Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) semalam.

Projek seumpama itu telah dilaksanakan di Sepri, Rembau di kawasan seluas 405 hektar dan di Bukit Tembok, Port Dickson membabitkan kawasan seluas 205 hektar, katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Exco di pejabatnya di sini hari ini.

Sementara itu, beliau berkata majlis daerah juga telah diarah supaya mengkaji jumlah kompleks beli-belah yang berlebihan di kawasan masing-masing supaya tidak lagi meluluskan projek baru.

Katanya ini juga termasuk projek perumahan yang telah siap dan tidak dapat dijual dan menurutnya Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Perumahan, Kerajaan Tempatan, Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Dr Yeow Chai Tiam akan memantau keadaan itu.

Beliau berkata di samping itu, kerajaan negeri juga akan membantu dan bekerjasama mempercepatkan pembinaan kilang-kilang bagi pelabur-pelabur luar dan tempatan.

-- BERNAMA
AS RP RHM